



Tarikh Notis: 19 Aug 2019

**PENJUALAN BARANG-BARANG LUSUH
PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN. BHD. - Year 2019(2)
No Sebutharga : QUO/CA/40/19(PS)**

Pembeli Barang-barang Lusuh yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod 221901/221902 – Membeli Barang Lusuh Tanpa Permit dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) **-Maklumat Perniagaan @ Korporat** adalah dipelawa untuk membeli barang-barang lusuh di Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP).

Pembeli adalah diwajibkan untuk datang dan memeriksa barang-barang lusuh di lokasi dan tarikh yang telah ditetapkan. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tawaran anda tidak akan dipertimbangkan. Jadual sebutharga adalah seperti berikut :

Perkara	Jadual
Pengagihan Dokumen Sebutharga	27 August – 12 September 2019
Lawatan Tapak	11-12 September 2019 <i>(lokasi dan tarikh adalah seperti yang dinyatakan dalam sebutharga)</i>
Tarikh Tutup Sebutharga	19 September 2019

Dokumen sebutharga boleh didapati di Pejabat Perancang dan Pembangunan, L4 ICT Fasa 1B, Tingkat 4, KOMTAR, Pulau Pinang. Sebutharga akan ditutup pada **19 September 2019**, jam 12.00 tengahari.

Dokumen sebutharga yang telah dilengkapkan hendaklah dihantar melalui sampul surat berlakri yang bertanda dengan tajuk sebutharga di sudut atas sebelah kiri dan dialamatkan kepada :

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.
L4 ICT Fasa 1B, Tingkat 4, Komtar
10000 Penang.

dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Pejabat Perancang dan Pembangunan, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd, L4 ICT Fasa 1B, Tingkat 4, Komtar, Pulau Pinang

Dokumen sebutharga hanya akan diberi kepada pembeli yang sah sahaja. Untuk maksud tersebut wakil pembeli hendaklah membawa **Sijil Pendaftaran Asal Kewangan Malaysia dan Sijil Asal Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) – Maklumat Pemilik Masa Kini** beserta dengan salinan fotostat untuk disimpan oleh pihak kami.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Cik Azniwati Zakaria: 04-2006 643

Sekian,

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN.BHD.